



Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

**AKHBAR
RASMI
KERAJAAN
NEGERI
BRUNEI**

TAHUN 24 BILANGAN 13

RABU 28HB MACH, 1979.

رابعو 28 ربيع الاخير 1399

PERCHUMA



Y.A.M. Pengiran Setia Raja Pengiran Jaya memeriksa barisan rekrut di-Upachara Perbarisan Tamat Lathan pada hari Sabtu lalu.

PASOKAN PULIS DIRAJA TELAH MEMBUAT PERUBAHAN BESAR

JALAN MUARA. — Pasokan Polis Diraja Brunei dalam beberapa tahun kebelakangan ini telah membuat perubahan2 besar dari segi organisasi, lathan dan perlengkapannya dalam menghadapi kewajiban mengawal keamanan dan ketenteraman dalam negeri.

"Dari itu ada-lah wajar bagi sa-tiap anggota Polis untuk terus bergiat dan mempelajari semua aspek untuk menjayakan tugas dan tanggung-jawab bersama."

Demikian di-tegaskan oleh Pesuruhjaya Polis, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Raja Pengiran Jaya bin Pengiran Haji Rajid ketika bersabda di-Upachara Perbarisan Tamat Lathan bagi 57 orang rekrut di-Pusat Lathan Polis di-sini pada hari Sabtu lalu.

Yang Amat Mulia itu bersabda kepesatan atau kemodenan lathan2, alat2 kelengkapan serta organisasi tidak akan berhasil mencapai objektif pelaksanaan tanggung-jawab bagi sa-orang anggota polis jika kejujuran, amanah dan disiplin tidak di-sertakan, sa-baleknya akan melemahkan pasokan itu serta mendatangkan keburokan pada negara dan penduduknya.

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Raja seterusnya menasehatkan kepada rekrut2 berkenaan supaya akan dapat berpandu dalam menjalankan tugas masing2 dalam menjaga keamanan dan keselamatan.

"Tugas2 kita telah ditentukan dalam undang2 begitu juga kuasa2 yang tertentu di-berikan kepada kita dalam melaksanakan tugas2 ini. Kita sa-bagai kaki-tangan kerajaan tidak boleh di-pengarohi atau takut pada sa-suatu dalam menjalankan tugas dan kuat-kuasa kita kechuali yang di-atorkan oleh undang2 dan peratoran" Yang

Amat Mulia menjelaskan dalam sabda itu lagi.

Dalam menjalankan tugas sa-bagai sa-orang polis Yang Amat Mulia itu memberi ingatkan untuk tidak mbedzakan dalam melaksanakan sa-suatu tugas itu antara sa-orang dengan yang lain, sa-tiap orang yang melanggar peratoran dan undang2 perlu di-bawa ka-pengadilan, kerana itu ada-lah menjadi kewajiban bagi anggota polis untuk melaporkan semua kesalahan2 atau sa-barang perkara yang bertentangan.

Yang Amat Mulia menambah, sa-bagai ahli pasokan polis, lepasan rekrut ada-lah di-kehendaki berkelakuan baik sa-tiap masa lebeh2 lagi ketika menjalankan tugas, bersopan santun dan merendah diri tetapi tegas pendirian adalah satu2nya yang di-ajar kepada mereka sa-panjang lathan.

Anggota2 polis juga sabda Yang Amat Mulia itu akan terus bertugas tanpa memikirkan lelah, siang atau malam demi untuk mengawal ketenteraman dan keselamatan negeri serta penduduk.

"Awang2 ada-lah ahli Pasokan Polis Diraja Brunei, lebeh2 lagi dibawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan sendiri menjadi Inspektor-General yang sudah tentu sa-bagai ahli pasokan ini kita akan berkhidmat dengan penuh kebanggaan dan menumpukan penuh ketataan dan kesetiaan kepada Baginda serta kerajaan dan berazam akan menyempurnakan kewajiban kita dengan penuh dedikasi", sabda Yang Amat Mulia.

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Raja Pengiran Jaya telah juga menyampaikan hadiah2 kepada rekrut2 yang terbaik dalam jurusan masing2 sa-panjang lathan.

Yang terbaik dalam semua jurusan di-terima oleh rekrut Pegang bin Yussol, terbaik dalam Undang2 dan Pekerjaan Polis ia-lah rekrut Tanga bin Riah dan terbaik dalam kawat, kawat rusohan dan lathan jasmani di-terima oleh rekrut Sikoi bin Luwis.

Kursus Lathan pra-sekolah bermula

GADONG. — Pengarah Pelajaran, Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat menyatakan bahawa guru2 dalam tempoh sa-puluh tahun akan datang akan mengalami satu perengkat penyusunan ka-araf kelengkapan2, chara2 mengajar dan isi kurikulum dengan sebaik2nya di-samping memperbaiki mutu penyampaian keguruan dan pelajaran sekolah di-seluruh lapisan.

Berucap ketika merasmikan Kursus Lathan Dalam Perkhidmatan Pra-Sekolah bagi guru2 sekolah rendah yang berlangsung di-Maktab Perguruan Sultan Hassanul Bolkiah di-sini pada hari Sabtu lalu, Awang Haji Ahmad menjelaskan, sejak tahun 1974 Brunei sedang memasuki satu zaman pembangunan dan pembawaan pelajaran dan pendidikan hasil dari Surohanjaya Pelajaran tahun 1972.

Kata-nya, dalam jangka lima tahun ini guru2 akan terlibat dan melalui perkembangan hal pembangunan sekolah2 rendah, bilek2 darjah, rumah guru dengan tujuan untuk menempatkan para pelajar dengan berbagai kemudahan yang memuaskan.

Dalam pada itu, Awang Haji Ahmad mengingatkan semua perubahan2 yang berjalan sa-iring itu hendak-nya-lah akan dapat memperbaiki mata-pelajaran dan mutu-nya di-pertahankan.

Menjelaskan kehendak2 mengadakan didekan pra-

sekolah bagi kanak2 yang berumur lima tahun, mulai tahun ini, Awang Haji Ahmad berkata dari banyak segi para guru akan menghadapi faktor2 kekurangan terutama sekali dari segi lathan guru dan isi2 kandungan kurikulum perengkat berkenaan.

Bagaimana pun, jelas beliau, apa yang di-mulakan ketika ini ada-lah untuk memberi lathan dan membaiki kekurangan dalam bidang berkenaan bagi guru2 yang akan mengajar.

Lihat muka 15



Pengarah Pelajaran, Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat.

Firma Swasta di-seru supaya bekerjasama

BANDAR SERI BEGAWAN. — Hampir 40 orang guru kelas dewasa perdagangan di-Daerah Brunei dan Muara pada Isnin lepas, 26hb Mach telah mula mengikuti kursus bimbingan yang di-anjurkan oleh Bahagian Pelajaran Dewasa, Jabatan Pelajaran.

Kursus bimbingan kali kedua itu telah di-rasmikan oleh Awg Hj Ahmad bin Hj Jumat, Pengarah Pelajaran pada hari Ahad, 25hb Mach di-Dewan Sekolah Melayu Pusu Ulak di-sini.

Berucap di-upachara perasmian itu Awg Hj Ahmad menyeru semua

sharikat2 perniagaan, perusahaan dan firma swasta di-negeri ini supaya memberikan kerjasama atau peluang pekerjaan kepada pelajar2 tempatan yang berkelulusan dalam bidang perdagangan.

Kata-nya dengan kerjasama demikian akan dapat mengujudkan pendidikan pelajaran perdagangan ini untuk diteruskan dengan pesat-nya.

Beliau menambah kata bahawa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, mulai tahun ini telah pun mengadakan Sinekit Peperiksaan Perdagangan-nya sendiri dan untuk tujuan itu sa-ramai 22 orang guru pelajaran perdagangan telah di-hantar ka-Singapura untuk mempelajari chara2 pentadbiran mengenai

peperiksaan berkenaan.

Awg Haji Ahmad berkata memandang kepastian yang memerlukan kecheputan kemahiran serta kesempurnaan yang di-perolehi dari orang2 yang mempunyai ilmu pengetahuan perdagangan, maka Jabatan Pelajaran telah menyalurkan bidang ini terutama di-kalangan belia2 dan penuntut2 yang berminat.

Kapada guru2 yang berkenaan Awg Hj Ahmad mengingatkan supaya akan sentiasa menchari dan meningkatkan lagi pengetahuan mereka bagi mengatasi segala perkara yang mungkin timbul ketika mengajar dan dengan menghadiri kursus tersebut ada-lah sangat wajar dan kena pada tempatnya.

Lihat muka 16

**Penggunaan
topi keledar
di-kuatkuasakan
mulai 1hb Jun**

BANDAR SERI BEGAWAN. — Undang2 Jalanraya 1954, Motorsikal (Peratoran Penggunaan topi keledar) akan di-kuatkuasakan mulai 1hb Jun tahun ini. Menurut peratoran itu, semua penunggang2 atau penumpang motorsikal adalah di-mestikan supaya memakai topi keledar.

Pihak Polis menshorkan dua jenis topi keledar yang harus di-pakai. Jenis2 itu ia-lah Singapura Standard Specifications S.S. 1970 dan British Standard Specification BS 2001 1972.

Sa-siapa yang di-dapati menunggang atau penumpang motorsikal tanpa memakai topi keledar, atau memakai topi keledar sa-lain dari yang di-shorkan sa-lepas 1hb Jun tahun ini akan di-dakwa dan jika sabit kesalahannya akan di-denda sa-banyak \$500.00 atau penjara 12 bulan atau pun kedua-duanya.

Penjual2 yang menjual topi keledar yang bukan dari dua jenis yang di-shorkan itu juga akan menerima hukuman yang sama.



Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKBAR
RASHI
KERAJAAN
NEGERI
BRUNEI

28HB MACH, 1979

MENGEKANG KENAKALAN KANAK-KANAK

KENAKALAN kanak-kanak ada-lah merupakan penyakit akhlak masyarakat remaja yang tidak begitu mudah untuk di-atasi dan ini memerlukan daya usaha yang benar2 berkesan bukan hanya dari sabalah pihak tertentu sahaja seperti kerajaan, malah semua yang terlibat dalam lingkungan masyarakat itu sendiri mesti-lah bersama-sama mengorak langkah pada mengekang sikap kanak-kanak terutama kalangan keluarga yang terlibat dari melakukan sa-satu perbuatan yang tidak di-resui oleh masyarakat, ugama, undang2 dan negara.

Kenakalan sa-umpama ini jelas memperlihatkan bahawa kanak-kanak yang terlibat sudah tidak dapat menerima dan mengamalkan disiplin yang baik samada di-dalam keluarga-nya atau pun dalam kelompok masyarakat. Ujud-nya golongan sa-umpama ini ada-lah merupakan suatu kerugian besar dalam masyarakat itu sendiri apa-tah lagi di-kalangan masyarakat kita orang2 Brunei. Dan jika golongan yang merugikan ini kita biarkan begitu saja, ia-nya akan menjadi penyakit yang paling serius yang kelak memerlukan banyak masa dan berbagai pengorbanan untuk mengatasi-nya.

Ibarat kita bermain api, biar-lah api itu dari kecil lagi kita matikan nyala-nya agar jangan sampai berlaku kecil2 menjadi kawan sudah besar menjadi lawan. Maka ketika usia kenakalan itu maseh belum membahayakan, biar-lah penyakit yang kita tidak tahu akan asal-usul punca terjadi-nya itu kita kekang dari sekarang umpama penyakit barah yang bersarang dalam daging sa-seorang perlu kita beri ubat dan rawatan yang lebeh sempurna jangan sampai terbiar dan memusnahkan seluruh kehidupan orang itu.

Kanak-kanak sa-bagai jenerasi muda perlu sekali mendapat didekan wajar dari keluarga-nya sendiri, sebab asohan yang sempurna dan terpuji itu bukan hanya di-lahirkan oleh kelompok keluarga yang berada malah ia-nya boleh di-chipta oleh sa-buah keluarga sederhana atau kurang mewah. Membentuk perwatakan sa-seorang kanak-kanak yang baik bukan boleh di-chiptakan dengan asohan kata-kata saja malah dengan tunjuk ajar dan tingkah laku yang sempurna pasti akan menjadi ikutan dan chermin hidup yang paling berkesan. Kerana itu membentuk buloh biar dari masa rebong-nya.

Kechichiran kanak-kanak sa-hingga terperangkap dalam 'kenakalan remaja' boleh ujud dari kechuian didekan keluarga itu sendiri apa-tah lagi jika kanak-kanak itu sentiasa terbiar dalam pergaulan yang kurang sempurna di-kalangan kawan2-nya. Kanak-kanak dari kecil tentu menjadi harapan penoh bagi sa-tiap ibu-bapa untuk melihat anak2 mereka itu menjadi manusia yang berguna. Tetapi sayang-nya seperti lazim apabila kanak-kanak itu berada dalam lingkungan persekolahan sa-chara langsung usia-nya sudah berada dalam penchemaran dan pengaruh keadaan keliling di-mana ia bergaul dan memperolehi segala bentuk perhatian biar pun belum sampai ka-tahap pemikiran-nya sa-chara dewasa, namun segala amalan yang di-ikuti dan di-perhatikan dengan mudah menchorakkan watak kehidupan-nya.

Jelas-lah jauh perjalanan tentu banyak pembedaan, lama hidup banyak pula di-rasa. Maka kanak-kanak yang malang dalam kenakalan yang terdapat dalam masyarakat kita hari ini tetap menjadi perhatian Kerajaan dan tindakan wajar telah pun di-amal bagi membimbing mereka menerusi penubohan sa-buah pusat untuk kanak-kanak nakal yang julong2 kali di-adakan. Pusat tersebut yang berharga kira2 \$8.3 juta boleh menampung 120 orang kanak-kanak dengan berbagai kemudahan pemuehan akhlak. Dari tindakan tersebut meyakinkan kepada kita betapa kerajaan tidak pernah sunyi dari menghadapi berbagai masalah masyarakat yang semesti-nya memerlukan perhatian yang benar2 berkebakikan. Mudah2an tindakan yang berfaedah ini akan menjamin kesempurnaan hidup kanak-kanak yang terlibat bagi membentuk satu masyarakat yang harmoni dan berdisipin.

Dalam pada itu perhatian juga perlu ada di-nampakkan oleh lain2 golongan terutama badan2 kebajikan dan persatuan2 belia dalam membendung kenakalan di-kalangan kanak-kanak jangan sampai ia-nya akan terus menjadi beban ibu-bapa dan kerajaan samata2.

KETETAPAN HARGA KERETA MAZDA

SAPERTI biasa di-bawah ini di-chatetkan beberapa jenis kereta Mazda yang telah di-luluskan oleh Pengawal Harga baru2 ini.

JENIS KERETA	HARGA JUALAN (Showroom Selling Price)	HARGA JUALAN PENOH (Selling Price On The Road)
MAZDA 626 (1600) 4-DOORS DELUXE SEDAN Model: CB2NS-P (5-SPEED) MW/SW radio, console box, separate reclining seat, carpets, remote electric release for trunk lid and demister.	\$13,060.00	\$13,565.00
MAZDA 626 (1600) 4-DOORS DELUXE SEDAN A/COND Model: CB2NS-P (5-SPEED) air-condition, MW/SW radio, console box, separate reclining seat, carpets, remote electric release for trunk lid and demister.	\$14,850.00	\$15,371.00
MAZDA 626 (1600) HARD TOP 2 DOORS Model: CB2NS-P (5-SPEED) MW/SW radio, console box, separate reclining seat, carpets, remote release for trunk lid and demister.	\$13,390.00	\$13,896.00
MAZDA 626 (1600) HARD TOP 2 DOORS Model: CB2NS-CP (5-SPEED) A/COND air-condition, MW/SW radio, console box, separate reclining seat, carpets, remote release for trunk lid, demister.	\$15,180.00	\$15,710.00
MAZDA 929L HARD TOP 4-DOORS Model: LA4MS-CP (5-SPEED) A/COND air-condition, 2-WB radio, exterior mirror, remote electric release for		

trunk lid, rear window demister, console box, concentrated warning system, tachometer and carpets.	\$16,755.00	\$17,338.00
MAZDA 929L HARD TOP 4-DOORS Model: LA 4MS-CP Radio-cassette, seatbelts, exterior mirror, remote-release for trunk lid, demister, blower.	\$15,580.00	\$16,134.00
MAZDA 929L 4-DOORS DELUXE Model: LA 4MS Airconditioned, radio-cassette, seatbelts, exterior mirror, remote-release for trunk lid, demister.	\$17,000.00	\$17,594.00
MAZDA 929L 4-DOORS DELUXE Model: LA 4MS Radio-cassette, seatbelts, exterior mirror, remote-release for trunk lid, demister, blower.	\$14,910.00	\$15,464.00

Orang ramai boleh-lah melihat jadual harga2 kereta yang telah di-persetujui yang telah di-chap dan di-tanda tangani oleh pihak berkuasa Pengawal Harga. Mana2 jadual harga kereta yang di-tunjokkan tidak mempunyai chap dan tanda tangan dari pihak berkuasa Pengawal Harga, ada-lah tidak sah. Dan orang ramai ada-lah di-harap memberikan kerjasama atau melaporkan kepada pihak yang berkenaan, talipon nombor 25555, Yunit Peranchang Ekonomi, Pejabat Setia Usaha Kerajaan mana2 agen kereta yang telah menyalahgunakan jadual harga kereta yang telah di-tetapan itu.

Kejohanan sepak takraw mawar terbuka

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kejohanan sepak takraw mawar terbuka kali ketiga kini mula mem-

bukakan untuk sa-barang penyertaan dari persatuan2 belia, kelas2, maktab2 dan sekolah2, kampong2 serta pejabat2 kerajaan di-sekitar ibu negeri.

Kejohanan tersebut yang di-anjurkan oleh orang perseorangan Awang Mohammad bin Salleh dari Kampong Saba Darat 'A' terbagi kepada dua bahagian penyertaan 'A' dan 'B'.

Untuk bahagian 'A' peserta yang berjaya akan menerima hadiah piala rebutan yang di-dermakan oleh Mawardi bin Mohammad manakala bahagian 'B' johan akan menerima tropi pusingan dari Ardi bin Tuah.

Peserta2 yang ingin menyertai kejohanan tersebut ada-lah di-kehendaki mengisi borang dan mendapatkan keterangan2 lanjut kepada setiausaha penganjur.

Awang Mohammad bin Salleh, No. 215 Kampong Saba Darat 'A', Bandar Seri Begawan dan dan W.W.C.L. Sekolah Perumahan Bangunan Saiful Rizal, Jalan Muara atau dari Awang Tuah bin Idris, RBA, Lapangan Terbang Antarabangsa.

Tarikh tutup penyertaan ia-lah pada 20hb April, 1979.

Harga barang2 keperluan

SAPERTI biasa di-bawah ini di-chatetkan beberapa jenis barang2 keperluan sa-hari2 yang di-dapati di-jual dengan harga yang lebeh sederhana di-kedai2 Bandar Seri Begawan, Kuala Belait dan Seria. Ada-lah di-ingatkan kepada orang ramai bahawa 'harga barang2 yang berikut di-bawah bermula dari 22hb Mach 1979.

BANDAR SERI BEGAWAN

- UDANG KERING — \$6.00 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut: —
 - Leong Huat, No. 57, Jalan Sultan.
 - Liong Yu Company, No. 58, Jalan Sultan.
 - Chop Hock Huat, No. 62, Jalan McArthur.

- SAYOR PUCHOK (Chap Foo Lung Cheng Kee) — \$4.00 sa-bungkus boleh di-beli dari kedai2 berikut: —
 - Chuan Joo Department Store, No. 9, Bangunan City.

- KACHANG TANAH — \$1.20 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut: —
 - Chop Aik Thye, No. 25, Jalan Sultan.

KUALA BELAIT

- UDANG KERING — \$6.50 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut: —
 - Guan Heng, No. 30-C, Jalan Sungai.
 - Kok Kee, No. 60, Jalan Pretty.
 - S. S. Sa'adiah, No. 92, Bangunan Hotel Sentosa.

- SAYOR PUCHOK (Chap Foo Lung Cheng Kee) — \$4.80 sa-bungkus boleh di-beli dari kedai2 berikut: —
 - Chop Yee Seng, No. 46, Jalan Pretty.
 - Yun Seng Supermarket, No. 84, Jalan Bunga Rambai.

- KACHANG TANAH — \$1.40 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut: —
 - Yick Yuen, No. 3, Jalan Pretty.
 - Guan Heng, No. 30-C, Jalan Sungai.
 - Soon Seng Company, No. 32, Jalan Pretty.
 - Yun Seng Supermarket, No. 84, Jalan Bunga Rambai.

SERIA

- UDANG KERING — \$6.00 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut: —
 - Foo Hap Shing, No. 20, Jalan Sultan Omar Ali.
- SAYOR PUCHOK (Chap Foo Lung Cheng Kee) — \$4.80 sa-bungkus boleh di-beli dari kedai2 berikut: —
 - Chop Koh Seng Hang, No. 17, Jalan Sultan Omar Ali.
 - Chop Kim Huat, No. 53, Jalan Bunga Kuning.
- KACHANG TANAH — \$1.40 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut: —
 - Chin Siong Hin, No. 3, Jalan Sultan Omar Ali.
 - Chop Kun Mee, No. 6, Jalan Sultan Omar Ali.
 - Chop Yeck Hoe, No. 7, Jalan Sultan Omar Ali.
 - Siong Huat, No. 40, Jalan Sultan Omar Ali.
 - Hj C. A. Mohammed, No. 51, Jalan Bunga Kuning.
 - Sim Fatt Hin, No. 74, Jalan Bunga Kenanga.

Jadual lawatan Perpustakaan Bergerak bagi 2hb hingga 4hb April, 1979

TEMPAT PERSINGGAHAN	TARIKH	HARI	MASA
Sekolah Inggeris Berakas (Bhg. Rendah)	2.4.1979	Isnin	2.00- 3.00 petang
Berhadapan Kedai, Kampong Perpipahan	2.4.1979	Isnin	3.30- 4.30 "
Sekolah Melayu Orang Kaya Besar Imas, Subok	3.4.1979	Selasa	8.30- 9.30 pagi
Sekolah Melayu Datu Mahawangsa, Lambak	3.4.1979	Selasa	10.30-11.30 "
Sekolah Melayu Dato Gandi	4.4.1979	Rabu	8.30- 9.00 "
Sekolah Melayu Serasa	4.4.1979	Rabu	10.00-10.30 "
Sekolah Melayu Mentiri	4.4.1979	Rabu	10.45-11.15 "
Sekolah Melayu Sultan Abdul Bubin, Sg. Besar	4.4.1979	Rabu	11.30-12.00 T/Hari
Kawasan Rumah Ketua Kampong, Serasa	5.4.1979	Khamis	3.15- 4.15 petang
Kawasan Rumah Ketua Kampong, Masjid Lama, Muara	5.4.1979	Khamis	4.30- 5.30 "

Peraduan membach Kor'an, sharahan

TUTONG. — Peraduan membach Al-Kor'an dan sharahan bagi sekolah2 Ugama di-Daerah Tutong akan di-adakan pada 6hb depan bertempat di-Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Nor'ain.

Peraduan tersebut akan di-rasmikan oleh Pemangku Pengawal Daerah Tutong, Awang Puasa bin Tudin pada pukul 2.00 petang. Sa-ramai 18 orang peserta akan mengambil bahagian. Enam orang peserta akan di-pilih untuk mewakili daerah tersebut ka-peraduan peringkat negeri.

Varsity students lecturers visit Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN.—A group of visitors from the Sabah Branch of Malaysia University spent three days here last week as guests of the Brunei State Youth Council.

The group comprising fifty first-year students and four lecturers was led by Dr Adrain bin Haji Abdul Kadir.

During their stay, they were taken on a tour of the Sultan Hassanah Bolkiah Teachers Training College and the Sixth Form Centre at Gadong, and the Paduka Seri Begawan Religious Teachers College at Mile One, Jalan Tutong, where they had discussions and exchanged views with their counterparts.

The visitors also played a friendly sepak takraw match with the PERKASA Youth Association at the Youth Centre here.

Our picture above shows some of the visitors at the surau of the Religious Teachers College. Dr Adrain is fourth from the right.



POLICE RECRUITS WANTED

BANDAR SERI BEGAWAN.—The Royal Brunei Police is seeking a number of young men for entry to the Force as constables.

Successful applicants will undergo a six-month period of recruit training at the Police Training Centre Jalan Muara towards the end of May, 1979.

Applicants must be Brunei Subjects, bachelors or married between the ages of 18 and 28, at least 5' 2" in height and be physically fit. The minimum requirement for entry to the Force is Standard VI Malay or English.

The starting salary of a recruit is \$325.00 a month plus \$100.00 allowance.

On completion of training basic salary and allowance arises to \$525.00.

Applicants should attend for interview by the Recruiting Officer at the following places:—

Big walk for funds

KUALA BELAIT.—More than six hundred participants, most of them schoolchildren, took part in a sponsored big walk organised by the Lions Club of Belait.

The eleven-mile walk which started off from the KBRC padang here and ended at the Seria Arena was to raise funds for schools and charity bodies in the district.

Majedy Ghani and Ho Kui Hui won the male and girls sections respectively.

The Assistant Belait District Officer, Pengiran Omar bin Pengiran Sabtu presented the prizes to the winners.

Scouts mark founder's birthday

KUALA BELAIT.—The Belait District Scout Association last week celebrated the birthday of the founder of the scout movement, Lord Baden Powell.

The celebration, held at the KBRC padang here, was declared open by the Officer Commanding Police District, Superintendent Yaakub bin Pehin Dato Haji Zainal who later took the salute at a march past of scouts, girl guides and members of the Red Cross in the district.

Attended by scout, girl guide and red cross officials and invited guests the celebration included first aid, pioneering and tug-of-war contests.

HELMETS COMPULSORY FROM JUNE 1

BANDAR SERI BEGAWAN.—The Government, in a further move to ensure road safety, will introduce the Motor Cycles Protective Helmet Regulations as from June 1.

Under the regulations, all motor cyclists and pillion riders must wear protective helmets.

The police have specifically recommended two types of helmets which comply with the regulations.

These are the British Standard Specification B.S. 2001:1972 and the Singapore Standard Specified S.S. 9:1970.

After June 1, any motor cyclists or pillion riders found without the protective helmets will, on conviction, be liable to a fine not exceeding five hundred dollars or twelve months imprisonment or both.

The same penalty awaits the dealers who sell or supply helmets other than the two prescribed by the police.

Brunei entry wins top prize

BANDAR SERI BEGAWAN.—One of eight entries submitted by the Brunei State Youth Council in an essay contest organised by the World Youth Council has won the top prize.

The winning essay, titled "Brain drain of youth from rural areas", in English is written by Awang Ahmad bin Haji Bujang of the IKLAS Association here.

As part of his prize, Awang Ahmad is now in Cairo attending the World Youth Council's Food and Development Congress during which his essay will be read.

He is among hundreds of selected writers and youth representatives from all over the world attending the congress.

Course in UK.

BERAKAS CAMP.—An officer from the Royal Brunei Malay Regiment's Air Wing last week left for England for a six-week aviation course.

Captain Isbah bin Dato Haji Hamidon, who is co-pilot of His Highness the Sultan's 748 aircraft, will learn more on the performance of that aircraft during the course.

Guidance course

GADONG.—The Director of Education, Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat officially declared open an eight month-long guidance course for teachers of Malay kindergarten classes here last Saturday.

The course, conducted by the Sultan Hassanah Bolkiah Teachers Training College, is being attended by twenty-five people.

It will mostly deal with school curriculum and teaching techniques with the participants spending two months full time in the college and the remaining six months teaching under the supervision of the college.

Officials visit reserve, sawmills

BANDAR SERI BEGAWAN.—Officials from the Brunei Timber Licensing Advisory Board last week visited the forest reserve at Bukit Ladan and sawmills in Lamunin in the Tutong District.

The purpose of the visit was to study the condition of the forests, how they are

being maintained and how the sawmill industry is being implemented.

During the visit the officials were accompanied by the Brunei District Forest Officer, Awang Yassin bin Salleh who briefed them on the various aspects of the forest reserve, and sawmill industry.

Story writing contest

BANDAR SERI BEGAWAN.—The Astrawani Association, a grouping of local writers, is organising a story writing contest in conjunction with the signing of the Anglo-Brunei Treaty of Friendship and Cooperation.

The contest, open to Brunei subjects only, has in store for the winning

entries prizes amounting to ten thousand dollars donated by a local businessman, Pengiran Amir Yusof bin Pengiran Haji Abbas.

Entries will close on 1st January, 1981 and those interested can get further details of the contest in the Astrawani Association's magazine, "KARYA".

13 awarded prizes for skill driving

BANDAR SERI BEGAWAN.—Thirteen drivers received their prizes at a ceremony held at the Town Hall here last Tuesday.

The drivers got the prizes

after winning events in the Skill Driving Test Competition held at the Berakas Old Airport early this month.

They received the prizes from the Sales Manager of the

Shell Marketing Company, Mr Wee Kiam Hong.

The competition was organised by the Brunei Automobile Association and sponsored by the Shell Marketing Company.

Cross country race

TUTONG.—The Brunei Amateur Athletic Association is organising the State Annual Cross Country Championships which will be held at the Muda Hashim Malay School padang here on April 29.

The race will be divided

into sections including one for veterans.

Entry forms are available from officials or representatives of the association and should be returned to the organisers not later than the end of this month.



A group of students from the SOAS College visited the Telecoms Department last week. Some of them are seen here in the telex section to see how things work.

SEKARANG sampai saya kepada tajok mengenai *BAHAI* atau di-sebut juga *Bahaiyyah*. Tetapi ada satu lagi yang munchol lebih awal dari itu, yang bertaraf pelopor kepada Bahai, ia-itu *AL-BAB* atau *Babiyyah*. Kedua2 golongan ini mempunyai persamaan, terutama dari segi latarbelakang ia-nya di-asaskan.

Dalam masa Persidangan Islam Asia Yang Pertama di-Kerachi, Julai, 1978 yang lalu, kami telah di-hadihkan sa-buah buku yang chantek berukuran 8" x 12" yang di-chetak tahun itu juga (1978/1979), terbitan *Idarah Turjuman As-Sunnah, Lahore Pakistan*. Buku ini dalam bahasa Arab, bertajok *Al-Babiyyah 'Aradz Wa Naqad*, pengarang-nya bernama *Ihsan Ilahi Zahir*, Ketua Penyunting majalah *Turjuman Al-Hadith, Lahore*.

Bertepatan juga, Persidangan itu telah mengambil beberapa rumusan mengenai *Al-Babiyyah/Al-Bahaiyyah* ini sa-bagai berikut:

1. Al-Bahaiyyah ada-lah satu kumpolan atau mazhab yang mendakwa mempunyai Nabi Baharu dengan Kitab-nya yang suchi memansuhkan segala *Kitab2 Samawiyyah* seperti Zabur, Taurat, Injil dan Al-Kor'an.
2. Al-Bahaiyyah mengajak kepada kesatuan bahasa dunia yang satu, kerajaan yang satu dan persamaan yang sa-penoh2-nya antara lelaki dan perempuan.
3. Ibu Pejabat Besar-nya ada di-Bandar Acre dalam negeri Palestine yang di-kua-sai oleh Israel. Demikian juga Majlis Tertinggi-nya.
4. Dakwah Bahai yang paling pesat di-lancharkan serta pusat2 peribadatan-nya yang terbesar ia-lah di-Bandar Chicago, Amerika. Dan di-sini-lah pengembang2 dan pemuka2 Bahai banyak mengadakan persidangan2 dan muktamar.
5. Sa-tengah orang2 Amerika dan Eropah telah terpedaya menerima ajaran Bahai, dan mereka itu-lah yang menjadi orang2 perantaraan memindahkan atau membawa ajaran tersebut kepada sa-tengah negeri2 Islam.
6. Puak Bahai juga menhuba menguasai lapangan ekonomi sa-tengah negeri2 Islam serta memujuk dengan memberikan pertolongan kepada penduduk negeri2 tersebut dalam bentuk pertolongan yang sa-olah2 luarus.
7. Mendapat sa-besar2 bantuan dari Amerika sa-bagai pusat kedua Bahai.

Persidangan Islam Asia Yang Pertama juga telah menchatetkan beberapa amaran tentang:

- a. Perlu-nya sa-tiap orang Islam mengetahui berkenaan dengan *Bahaism* itu sa-bagai akidah yang salah dan kufur, tidak memperchayai Al-Kor'an dan Hadith dan bahkan tidak punya hubungan sama sekali dengan Islam.
- b. Hendak-lah di-chegah penganut2 Bahai itu dari melakukan sa-barang kegiatan di-dalam negeri2 Islam serta menutop pusat2 pergerakan mereka di-negeri2 tersebut, dan juga melarang dari membuat atau mengeluarkan siaran2 dan yang sa-umpama-nya.
- c. Dan ada-lah perlu memberikan kesedaran kepada pemuda2 Islam yang miskin dan mengingatkan tentang bahaya2 Bahai tersebut.

* * *

Di-dalam mukaddimah buku *Al-Babiyyah 'Aradz Wa Naqad*, pengarang-nya telah menerangkan dengan panjang lebar berkenaan asal-usul Al-Babiyyah atau Bahai itu. Antara lain keterangan itu menyebut tentang kurun yang ke-19 sa-bagai masa gelap umat Islam, di-mana mereka hidup di-bawah perhambaan dan penjajahan orang2 bukan Islam. Kuasa2 ini berusaha memisahkan orang2 Islam dari uga-



Abdul Baha

ma mereka, agar biar jauh dan terpesong dari *tariqul hak* (jalan yang besar), supaya musuh2 itu dengan senang memperkotak-katikan orang2 Islam.

Suatu chara untuk melemahkan umat Islam, ia-lah dengan jalan mengada-adakan asas2 keperchayaan baharu serta membanyakkan golongan2 yang sering bertentangan dalam masyarakat. Asas2 keperchayaan baharu itu, ia-lah seperti menolak kenabian Nabi Muhammad s.a.w., mengharamkan jihad, menghalalkan perkara2 yang ditegah dan di-haramkan oleh Allah Ta'ala dan sa-bagai-nya. Mereka (musoh2 Islam) ini tidak bosan2 mencari atau menchipita *bonika2* bernyawa bagi menyampaikan maksud mereka melumpuhkan Islam. Lalu lahirlah *bonika2* seperti Mirza

Ghulam Ahmad (Qadiani), Mirza Ali Muhammad Al-Bab dan Mirza Hussein Ali An-Nuri Al-Mazindrani Al-Baha (Bahai).

Menurut pengarang buku Al-Babiah, Mirza Ali Muhammad Al-Bab diam di-Shiraz Selatan Iran. Ia mahu supaya Iran tunduk kepada Russia. Ia (Mirza Ali Muhammad) ada-lah orang pertama yang menubuhkan kumpolan Al-Babiyyah — pelopor kepada Al-Bahaiyyah. Ia mengaku dan mendakwa jadi Mahdi Al-Muntadzar (Imam Mahdi).

Atas dakwaan-nya itu, ulama2 Iran telah bangun menentang-nya. Dan bahkan pehak berkuasa Iran juga memanggilnya untuk mendapatkan keterangan2. Tetapi seperti yang di-duga, dakwaan Mirza Ali Muhammad itu di-dapati karut



sa-mata2, tidak ada kena mengena-nya dengan akidah Islamiah, dan kerana itu ulama2 menghukum-nya sa-bagai sesat dan kafir.

Pada tahun 1269 Hijrah bersamaan 1849 Masehi, Mirza Ali Muhammad Al-Bab telah ditangkap oleh Kerajaan Iran dan menghukum-nya mati.

Untuk lebih jelas mengenai orang ini (Mirza Ali Muhammad), kita petek di-sini isi tulisan dalam akhbar Al-'Alam Al-Islami bilangan 411 Tahun (9) keluaran 8hb Muharram 1395 bersamaan 20hb Januari 1975 yang terjemahan-nya juga dimuat dalam majallah Warta Jabatan Ugama Johor bilangan 260, Mei 1975, antara lain:

Lebih kurang 130 tahun yang lampau, Kerajaan Tzar Russia telah menjalankan tipu muslihat untuk menghancurkan ikatan ugama bagi orang2 Islam Iran dengan memilih anak pekdai kain Shirazi yang bernama Mirza Ali Muhammad supaya membuat pengakuan palsu, bahawa dia-lah Imam Mahdi yang ditunggu2. Tujuan-nya, supaya orang ini dapat menarik ka-dalam golongan-nya sa-beberapa ramai orang miskin untuk menghidupkan api pergolakan di-negara Iran dan menumpahkan darah dengan banyak-nya.

Sa-sudah melalui beberapa kejadian, serta pengikut2 Ali Muhammad Al-Bab sendiri juga telah berselisih mengenai pengganti-nya sa-telah ia terbunuh, maka sa-orang hartawan yang bernama Mirza Hussein Ali An-Nuri yang menggelarkan diri-nya sa-bagai *Abdul Baha* (lihat gambar) telah di-pilih sa-bagai orang kedua untuk melanjutkan pimpinan ugama palsu ini, dengan nama baharu *Al-Bahaiyyah* atau *Bahaism*. Mirza Hussein Ali An-Nuri ini orang-nya terbilang dari kalangan orang2 yang rapat hubungan serta kuat memberi bantuan kepada Kekuasaan Russia di-Iran. Dalam tahun 1296 Hijrah, ia terlibat dalam pakatan hendak menjatuhkan kerajaan pada masa itu. Lalu ia pun di-buru, tetapi telah di-beri perlindungan oleh Kerajaan Russia dalam Keduatannya di-Tehran. Sa-lain itu, pemerintah Russia, Alexander II (1818-1881) juga telah mengutus orang menyelamatkan Mirza Hussein Ali An-Nuri dari hukuman mati, dan kemudian ia di-halau dari negeri Iran ke sebuah negeri di-bawah naungan Kerajaan Othmaniah (Turky), dan kemudian oleh Kerajaan Othmaniah di-halau pula ke-Acre di-Palestine. Semenjak itu tinggal-lah Abdul Baha (Mirza Hussein Ali) di-Acre selaku orang buangan dan hingga mati-nya pada tahun 1309 Hijrah.

Dalam masa peperangan Dunia I, golongan Bahai ini di-

pimpin oleh sa-orang yang bernama Abbas Afandi, ia-itu anak tua kepada Mirza Hussein Ali An-Nuri. Abbas mengaku ia orang Islam dan hadir sembahyang Jumaat di-masjid. Sa-benar-nya perbuatan-nya berpura-pura Islam itu tidak lebih dari muslihat menjadi mata2 musuh untuk menentang Kerajaan Othmaniah yang berugama Islam. Dan sa-sudah membuat beberapa lawatan ke-Eropah dan Amerika di-mana ia di-sambut dengan baik dan amat meriah oleh negeri2 tersebut, maka pada tahun 1921 ia meninggal dunia.

Akhbar Al-'Alam Al-Islami membuat ulasan, bahawa dari peristiwa dan kejadian2 yang di-sebutkan-nya ada-lah menunjukkan ada-nya penglibatan puak Bahai dan pemimpin2-nya untuk menjayakan ranchangan2 Zionis Antarabangsa yang di-pelopori oleh Barat.

Kata akhbar itu mengenai hai ini:

Pejabat besar puak Bahai pada hari ini terdapat di-dalam negeri Israel di-Bandar Haifa berhampiran dengan kubor Abbas Afandi. Pejabat besar itu di-kendalikan oleh tujuh orang, di-antara-nya terdapat orang2 Eropah dan sa-orang perempuan bangsa Amerika. Pejabat ini di-beri nama *Rumah Keadilan*.

Semenjak beberapa tahun dalam satu surat siaran rasmi orang2 Bahai di-Iran, bahawa dengan bangga dan sukacitanya kami menyampaikan kepada orang2 Bahai betapa erat-nya ikatan di-antara kaum Bahai dan pehak yang berkuasa di-Israel.

Dan pada masa itu juga suatu rombongan orang2 Bahai telah menemui David Ben-Gurion (1886-1973) yang masa itu menjadi Perdana Menteri. Mereka memberi ucapan tahniah di atas kemajuan Kerajaan Israel dan Presiden Israel juga ada berkata: *Saya berharap bahawa Pejabat besar Bahai dalam negeri Israel dapat bersama-sama berusaha pada menjayakan negara serta memajukan-nya, memberikan kebahagiaan kepada rakyat Islam-nya dengan keadaan sempurna, dan ada-lah kaum Bahai sentiasa mengadakan perhubungan yang erat semenjak Negara Israel di-asaskan.*

Pertemuan di-antara pehak berkuasa di-Israel dengan kaum Bahai ada-lah sering berlaku, dan Presiden Israel sendiri pada 7hb April 1964 telah membuat lawatan-nya yang rasmi ke-Pejabat besar kaum tersebut. Semua ini menunjukkan dengan jelas betapa erat-nya perhubungan dua pehak itu.

(BERSAMBONG)

SA-TIAP pekerjaan itu merupakan badan kasar, sedang ikhlas ia-lah jiwa-nya. Jadi ketiadaan ikhlas bermakna ketiadaan jiwa. Maka seperti badan yang mati, pekerjaan yang tidak berjiwa itu tidak ada berkat-nya, tidak ada nilai-nya di-sisi Allah. Ikhlas erti-nya berse, suchi daripada dusta dalam perkataan dan perbuatan. Ikhlas ia-lah moral yang mendorong ka-arrah pekerjaan yang betul, tidak kira dalam masa susah atau senang, samada pekerjaan itu di-lihat orang atau tidak, mendapat pujian atau tidak, di-hargai atau pun tidak.

Pekerjaan yang besar akan rosak dan rugi jika ikhlas dan amanah telah bertukar jadi busuk hati dan khianat. Orang yang busuk hati dan khianat melakukan tindakan2 yang berbeza. Pada masa ada orang melihat-nya, ia bekerja bersungguh-sungguh kerana hendakkan pujian. Tetapi bila di-belakang orang, ia malas dan menyeleweng. Pendek-nya orang2 yang tidak ikhlas itu ada-lah orang yang berlawanan dzahir dengan bathin-nya, di-luar manis di-dalam pahit.

Melakukan sa-suatu dengan ikhlas ada-lah sangat2 di-tuntut oleh Agama Islam, kerana itu terang2 ditegaskan bahawa apa jua amal dan ibadat yang tidak ikhlas, tidak akan di-terima oleh Allah. Rasulullah s.a.w. pernah bersabda yang bermaksud: "Iman itu ada-lah seperti orang yang belum berpakaian, maka yang akan jadi pakaian-nya ia-lah taqwa kepada Allah, dan yang jadi perhiasan-nya ia-lah sifat malu, sedang yang akan jadi roh-nya ia-lah ikhlas."

Al-Imam Al-Ghazali pula berkata: "Manusia itu semua-nya ada-lah mati, kecuali yang maseh hidup ia-lah orang yang berilmu. Tetapi pada umom-nya orang yang berilmu itu sedang tertidor, kecuali yang bangun ia-lah yang beramal. Tetapi yang beramal ini pula biasa-nya tergoda atau terpedaya oleh dunia, kecuali yang ikhlas. Tetapi ingat-lah bahawa ikhlas ini berada dalam keadaan yang sulit ibarat telur di-hujung tandok".


Suatu pekerjaan yang dilakukan dengan ikhlas wujud-nya akan kukuh, sekali pun kadang2 ia terpaksa

Ikhlas lakukan sa-suatu perkara

gagal, tetapi kesan-nya tetap abadi, sebab ada berkat-nya. Kerana itu-lah Rasulullah s.a.w. bersabda yang maksud-nya: "Kira-nya seseorang beramal dalam sebuah batu hitam yang gelap, yang tidak mempunyai pintu atau lobang, akan keluar-lah amal-nya menurut sifat asal waktu memulakan amal itu."

Ada pun yang di-maksudkan Nabi dengan sifat asal waktu memulakan amal atau perbuatan itu, ia-lah niat. Niat itu tempat-nya di-hati, bagaimana pun mulut manusia mengatakan diri-nya ikhlas, tetapi Allah tetap melihat dasar hati-nya, di-mana terdapat niat yang sa-benar. Kerana itu Rasulullah telah memberi ingatan dengan sabda-nya yang bermaksud: "Sa-sungguh-nya Allah tidak-lah melihat atau menilai bentuk tubuh badan kamu, dan tidak pula dari segi kechan- tekan paras rupa kamu, tetapi Allah melihat dan menilai hati2 kamu (niat kamu)."

Oleh hal yang demikian, wahai kaum muslimin!



Sesuai dengan perkembangan negara dan kemajuan hidup yang kita alami, mari-lah sama2 kita memperbaiki niat, dalam apa jua pekerjaan yang berfaedah, baik pekerjaan itu kecil dan apatah lagi yang besar, kita jangan melangkah dengan niat yang tidak betul, tetapi asoh dan hidupan-lah niat yang ikhlas samata2 kerana Allah. Inilah satu2-nya sumbangan kita yang paling berharga, yang tidak dapat di-nilai, untuk negara, raja, bangsa dan ugama yang maha suchi.

Saudara baru di-rai'

AMO, Temburong. — Ber-tempat di-Dewan Sekolah Melayu Amo di-sini pada 11hb Mach telah di-adakan satu majlis bagi merai'kan saudara baru Islam, Awang Mohd Johan bin Abdullah dan keluarga-nya yang telah memeluk ugama Islam baru2 ini.

Dalam majlis itu beberapa ucapan telah di-sampaikan, termasuk ucapan Awang Haji Abu Bakar bin Haji Tengah, Pegawai Ugama Kanan selaku Pengerusi majlis tersebut, dan ucapan oleh Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Haji Ya'akub bin Haji Ahmad yang juga menyampaikan hadiah2 kepada saudara2 baru itu.

Majlis malam itu juga telah di-serikan dengan bacaan ayat2 suchi Al-Kor'an dan berdirir.

Sementara itu saudara baru Islam bertambah lagi dengan tiga orang pemuda Iban berasal dari Sarawak, Jalang anak Belitong, 22 tahun yang kini di-kenali sa-bagai Mohd Othman bin Abdullah.

PengIslaman-nya berlangsung di-Jabatan Hal Ehwal Ugama di-ibu negeri baharu2 ini di-hadapan Awang Ahmad bin Abdul Razak, sa-orang pegawai di-jabatan tersebut.

Manakala bertempat di-rumah Awang Osman bin Haji Daud di-Kampung Luagan Dudok Tutong pada 9hb Mach lalu satu majlis pengIslaman ka-atas dua orang Iban dari Sibul, Sarawak juga telah di-langsungkan.

Mereka ia-lah Mawie anak Kalom, 28 tahun, kini di-kenali sa-bagai Mohd Irwan bin Ab-

KITA akan kagum apabila melihat sa-ekor monyet yang dapat di-jinakkan oleh tuan-nya, apa lagi jika si-monyet itu mahu di-arah2kan untuk membuat sa-suatu pekerjaan yang pernah di-ajar-kan kepada-nya serta menda-tangkan faedah kepada si-pemelihara-nya. Kebolehan monyet tersebut melakukan itu ada-lah di-sebabkan latehan dan didekan yang di-berikan kepada-nya sa-belum-nya.

Sa-bagaimana yang kita maklom bahawa kekurangan yang paling besar kepada makhluk binatang itu seperti si-monyet tadi ia-lah ketiadaan akal. Seluruh pekerjaan dan perbuatan-nya sa-benar-nya tidak pernah mendapat pertimbangan samada pekerjaan itu baik atau buruk, kerana binatang tidak memiliki alat sempurna untuk menilai kelakuan-nya ia-itu akal. Mithal-nya, si-monyet tadi, bagi-nya ada-lah tidak sampai ka-penge-tahuan-nya untuk mempastikan yang pekerjaan-nya itu sa-benar-nya telah memberi faedah kepada tuan-nya. Dan pekerjaan yang di-lakukan-nya itu tidak mungkin berkembang maju sendiri-nya, melainkan apabila ia menerima didekan dan latehan yang baru.

Kalau-lah sudah binatang yang tidak berakal itu dapat di-didik, di-ajar serta mahu di-arah2kan, maka apa-tah lagi terhadap makhluk yang bernama manusia itu, ia-itu

Akal mengator hidup

makhlok yang di-katakan paling tinggi darjat-nya daripada makhluk2 yang lain. Alat yang meninggikan darjat-nya itu tidak lain dan tidak bukan ia-lah 'akal' itu sendiri. Maka ada-lah satu perkara ganjil pula kira-nya manusia tidak mahu menerima didekan dan tunjok-ajar.

Akal bukan saja sa-bagai alat untuk memudahkan manusia membuat penilaian dalam membedakan yang mana baik dan yang mana buruk, bahkan juga menerusi akal manusia telah dapat memajukan hidup-nya melalui penciptaan tamaddun yang chondong kepada kemajuan peradaban dan kesulasaan.

Tetapi pada umom-nya perkembangan akal itu sendiri ada-lah di-pengaruhi oleh pengalaman2 yang pernah di-alami-nya. Pengalaman itu bertanggung-jawab pula ka-tas penentuan akhlak dan peribadi sa-seorang.

Oleh kerana jiwa manusia

Bingkisan minggu ini

umom-nya chenderong kepada nilai2 kebajikan, maka bukanlah merupakan perkara yang sukar untuk mendidik dan menunjak-ajar manusia untuk melakukan aspek2 yang mulia dan terpuji. Justeru akal ada pada-nya, maka dengan mudah ia memilah dan membedakan antara nilai2 keburokan dan nilai2 kebajikan. Ia sedar bahawa merompak, bergaduh, memeras, merampas hak orang lain, membunuh jiwa yang tidak berdosa dan lain2 kejahatan ada-lah sa-bagai perbuatan yang tidak berkenan di-jiwa-nya sementara itu ia menyanjong tinggi sifat2 pemurah, berhemah-lembut, tolong-menolong, bermesra, bertolak-ansor, pemaaf dan sa-bagai-nya. Teganya akal juga memainkan peranan-nya terhadap perkembangan nilai2 perikemanusiaan.

Tetapi, mengapa juga ada orang menchuri, merompak, memakan hak orang lain, bahkan sanggup membunuh jiwa2 yang tidak berdosa? Dengan lain perkataan mengapa-kah juga kejahatan itu maseh berlaku di-kalangan umat manusia? Dan kalau sudah manusia yang di-katakan memiliki akal itu sanggup pula melakukan keburokan dan kejahatan, maka di-mana-kah sa-patut-nya di-letakkan darjat orang sa-demikian itu. Kita tidak begitu hairan jika musang yang melenyapkan ayam di-reban, tetapi jika ia menjadi mangsa sa-orang penchuri, maka ini bermakna boleh di-nilaian si-penchuri itu lebih rendah darjat-nya dari sa-ekor musang. Sebab, musang tidak tahu yang ayam itu di-miliki dan di-jaga oleh si-penternak-nya, sedangkan si-penchuri tentu tahu bahawa barang atau harta yang di-churi-nya itu ada-lah milik dan hak orang lain, lagi pun ia sedar bahawa perbuatan menchuri itu salah dan tidak berperikemanusiaan.

Sebenar-nya meski pun manusia itu memiliki akal tetapi kadang-kala manusia menggunakan kebijaksanaan akal-nya di-tempat dan masa yang hanya di-fikirkan boleh memberi faedah kepada diri sendiri saja tanpa memperhitungkan samada pekerjaan tersebut menjejaskan hak orang lain atau tidak.

Di-sini-lah membawa perlunya penciptaan peraturan dan penggubalan undang2 bagi maksud mengawal dan menjamin kesejahteraan hidup umat manusia. Tetapi juga sayang, meskipun peraturan sudah di-chipta dan undang2 sudah di-tulis namun maseh juga ada golongan orang2 yang senghaja tidak mahu mengerti terhadap larangan dan tegahan yang di-tentukan sa-hingga sanggup melanggar-nya baik sa-chara terang2an mahupun sa-chara sembunyi2. Sebab manusia boleh membuat dolak-dalek menerusi kebijaksanaan akal-nya sa-hingga akal yang benar2 dan nyata bersalah boleh lepas bebas dari kesalahannya.

Sebenar-nya kebijaksanaan akal tidak akan bernilai jika tidak di-baiji dengan didekan dan asohan ugama. Sa-chekap manapun kepintaran akal namun ia mesti-lah di-tegakkan di-atas nilai2 ugama. Kerana ugama sejak dari awal lagi telah menentang sebarang kejahatan serta menghukumkan ganjaran dosa terhadap sa-tiap rupa kejahatan yang di-lakukan. Jika ugama di-letakkan di-atas daripada akal, maka manusia bukan saja dapat di-kawal, malah akan berkembang maju di-atas nilai2 yang luhur dan mulia.



Mohd Othman bin Abdullah



GAMBAR atas kelihatan Awang Haji Yaakub merinjis ayer wangi dalam majlis merai'kan saudara2 baru di-Kampung Amo manakala gambar bawah pula majlis pengIslaman Mohd Irwan dan Mohd Khalid. — Gambar JHEU.



Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 28hb Mach, 1979 hingga kahari Selasa 3hb April, 1979 ada-lah seperti di-bawah ini: —

Hari	Matahari						
	Bulan	Dzuhor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh Terbit
28hb Mach	12.30	3.48	6.34	7.45	4.50	5.06	6.21
29hb Mach	12.30	3.48	6.34	7.45	4.50	5.06	6.21
30hb Mach	12.30	3.48	6.34	7.45	4.50	5.06	6.21
31hb Mach	12.30	3.48	6.34	7.45	4.50	5.06	6.21
1hb April	12.29	3.44	6.33	7.45	4.48	5.03	6.18
2hb April	12.29	3.44	6.33	7.45	4.48	5.03	6.18
3hb April	12.29	3.44	6.33	7.45	4.48	5.03	6.18

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-rambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12.45 tengah hari.



Jurulateh terbaik

KOPRAL Dulamit bin Burut yang berasal dari Kampong Selangan, Temburong telah terpilih sebagai jurulateh terbaik bagi pengambilan rekrut yang ke-46 Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei.

Kopral Dulamit yang telah mula berkhidmat dengan pasokan tersebut pada 23hb Oktober, 1972 menerima pemilehan itu ketika perbarisan tamat latihan bagi 38 orang rekrut pengambilan ke-46 di-langsungkan pada 9hb Mach yang baru lalu di-Perkhemahan Bolkihah, Berakas.

Ketika mula mencheborakan diri sa-bagai askar, Kopral Dulamit telah menerima latihan asas sa-bagai rekrut di-Pusat Latihan, Perkhemahan Bolkihah sa-lama sembilan bulan dan sa-lepas itu dia di-tukar dalam pasokan Kompeni 'E' Battalion Pertama.

Dari situ, pada 12hb



Oktober, 1974 beliau dinaikkan pangkat sa-bagai L/Kopral dan bertugas sa-bagai 2IC Pemerintah Bahagian dan pada 1hb Jun dia di-tukar lagi ka-Battalion Kedua di-Perkhemahan Tutong.

